



## NC lancar Pelan Strategik UMP 2011-2015

“Pendekatan transformasi, migrasi sikap dan penjarangan strategik bakal menjadikan Universiti Malaysia Pahang (UMP) sebagai sebuah universiti teknologi pilihan utama bertaraf dunia,” kata Naib Canselor UMP, Profesor Dato’ Dr. Daing Nasir Ibrahim.

Beliau berkata demikian semasa menyampaikan ucapan kepada kira-kira 5,000 warga UMP dalam Majlis Amanat Naib Canselor dan Pelancaran Pelan Strategik 2011-2015 di Kompleks Sukan UMP pada 25 Januari 2011 yang lalu.

Menurut Dr. Daing Nasir, pelan ini menggariskan empat objektif iaitu pertamanya melahirkan graduan yang berketerampilan melalui penawaran program kejuruteraan dan teknologi yang kompetitif.

“Keduanya, UMP akan menerajui inisiatif terkini dalam bidang penyelidikan berkaitan dengan industri.

“UMP akan menjadi peneraju

dalam menyediakan perkhidmatan kepada industri dan masyarakat berdasarkan tujahan dan bidang kepakaran menjadi objektifnya yang ketiga.

“Manakala, objektif keempat meletakkan UMP antara organisasi yang mengamalkan budaya kerja cemerlang dalam pengurusanannya,” ujar beliau.

Katanya, selain kerjasama pintar dengan universiti luar negara, jaringan industri menjadi tumpuan khas setiap fakulti dan jabatan untuk mendapatkan akses serta hubungan strategik dengan pihak industri.

“Kerjasama dengan Malaysian Automotive Institute (MAI) bagi Program Perantisan Siswazah baru-baru ini bakal mendedahkan pelajar kejuruteraan automotif dengan persekitaran industri.

“Pelajar siswazah dan pensyarah UMP perlu melibatkan diri dalam penyelidikan bersama industri untuk menambahbaik nilai, produk dan perkhidmatan yang disediakan.

“Dalam mencapai objektif ini UMP mengenal pasti empat bidang keberhasilan utama universiti (KRA) iaitu, peningkatan kualiti akademik, kesinambungan kewangan, pembangunan sosio-ekonomi dan penjenamaan UMP untuk kedudukan yang strategik,” katanya.

Menurutnya, penjarangan kompetitif memerlukan UMP mewujudkan kelainan dan keunikan berbanding IPT lain yang menawarkan program kejuruteraan termasuk dari segi program akademik, penyelidikan, perundingan dan penerbitan.

Katanya, sepanjang sembilan tahun kewujudan universiti ini, UMP berevolusi dengan dua fasa perdana iaitu, meletakkan asas sebagai universiti teknikal dan memperkukuhkan asas serta menjana kecemerlangan.

“Kecinambungan usaha mencipta kecemerlangan berterusan sebelum ini mampu membangunkan universiti ini ke arah keunggulan lestari,”

katanya.

Pelan Strategik UMP 2011-2015 ini direncana dengan mengambil kira pencapaian semasa universiti, semakan semula terhadap Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), Gagasan 1Malaysia, Program Transformasi Kerajaan (GTP).

Dalam majlis itu juga, Dato’ Dr. Daing turut menyampaikan watakah pelantikan dalam merealisasikan UKRA di UMP.

Bagi KRA pertama, Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa), Profesor Badhrulhisham Abdul Aziz dilantik menerajui usaha dalam meningkatkan kualiti akademik.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi), Profesor Dato’ Dr. Rosli Mohd. Yunus dilantik menerajui KRA kedua iaitu kelestarian kewangan dan KRA ketiga bagi pembangunan sosioekonomi dipimpin Penolong Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni), Profesor Dr. Yuserrie Zainuddin.